

03/12/2001

SSB: Cuepacs yakin perubahan dilaksana 2002

KUALA LUMPUR, Ahad - Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yakin beberapa perubahan yang dicadangkan dalam Sistem Saraan Baru (SSB), dapat dilaksanakan tahun depan.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk N Siva Subramaniam, berkata pihaknya sudah mengadakan empat pertemuan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan kali terakhir petang Jumaat lalu.

"Sekarang kajian terhadap SSB oleh JPA sudah pada peringkat akhir dan laporan mengenainya dijangka siap sebelum akhir bulan ini.

"Laporan itu kemudian akan dikemukakan kepada Kabinet untuk diluluskan dan saya jangka ia menjadi kenyataan awal tahun depan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Antara cadangan yang dikemukakan ialah penghapusan kaedah pergerakan gaji dan Jadual Gaji Matriks.

Ini bermakna empat kaedah pergerakan gaji, iaitu secara melintang, menegak, mendatar dan statik akan diubah, manakala sistem gaji tiga baris dalam SSB sekarang diganti dengan sistem gaji sebaris.

Sistem gaji sebaris itu bagi membolehkan semua kakitangan awam berpeluang menikmati gaji permulaan daripada paras satu sehingga gaji maksimum pada paras tiga.

Rombakan dalam sistem SSB itu akan memanfaatkan kira-kira 950,000 kakitangan awam, selain dapat mengemas kini serta memantapkan lagi peranan hampir 25,000 ketua jabatan.

Kerajaan memperkenalkan SSB pada 1993 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 tahun 1992, iaitu sejurus selepas ia dilaksanakan dan tiga tahun kemudian, kerajaan mengemas kini sistem itu menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1996 tetapi masih menerima pelbagai rungutan daripada kakitangan awam.

Antara perkara yang tidak memuaskan hati kebanyakan kakitangan awam ialah kuota yang menghadkan pergerakan gaji melintang kepada dua peratus, menegak (tiga peratus), mendatar (90 peratus) dan statik (5 peratus).

Mereka turut merungut terhadap kaedah perangkaan Jadual Gaji Matriks yang mana semua mata gaji disusun mengikut tiga Peringkat (P), iaitu P1, P2 dan P3, masing-masing dengan kemajuan gaji yang berbeza.

Perkara itu turut dimuatkan dalam memorandum Cuepacs kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini.

Memorandum Cuepacs itu juga mahukan supaya SSB diubah suai dari sudut gaji, pencen dan imbuhan serta insentif supaya lebih teratur dan adil selain memohon penyemakan gaji sektor awam secara menyeluruh.

(END)